



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

PROGRAM KUSKOP MADANI SEMPENA THAIPUSAM 2026

KUALA LUMPUR, 28 Januari – Bersempena dengan sambutan Thaipusam pada 1 Februari 2026 di Pulau Pinang, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) akan turun padang menyediakan kemudahan ruang rehat percuma serta pelbagai perkhidmatan kepada para pengunjung di Georgetown, Pulau Pinang.

Reruai KUSKOP

Pihak KUSKOP akan membuka reruai perkhidmatan sepanjang sambutan Thaipusam dengan penyertaan sembilan agensi di bawah KUSKOP termasuklah TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Bank Rakyat, SME Bank, SME Corp. Malaysia serta UDA Holdings.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah penyaluran maklumat pembiayaan perniagaan, latihan dan bimbingan keusahawanan, pendaftaran usahawan serta khidmat nasihat berkaitan koperasi di samping kemudahan seperti ruang rehat, saringan kesihatan percuma, ruang penyusuan bayi dan pengagihan makanan percuma.

200 Sukarelawan Wira KUSKOP

Selain itu, seramai 200 sukarelawan Wira KUSKOP akan digerakkan bagi membantu pengurusan orang ramai serta menghulurkan bantuan kepada warga emas, kanak-kanak dan OKU. Sukarelawan ini terdiri daripada belia di Pulau Pinang berumur 17 hingga 30 tahun yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Ruang Rehat

Ruang rehat percuma dan selesa akan disediakan di khemah utama KUSKOP MADANI. Ruang ini mampu menampung sehingga 200 orang pada satu-satu masa dengan anggaran sekitar 1,500 orang dapat memanfaatkan kemudahan ini sepanjang hari sambutan di samping kemudahan lain seperti saringan kesihatan percuma serta ruang penyusuan bayi.

Ruang rehat ini dikhususkan kepada petugas barisan hadapan, warga emas, ibu, kanak-kanak, OKU serta penganut yang keletihan atau kurang sihat. Kemudahan ini turut dilengkapi dengan penyediaan minuman dan makanan percuma oleh pihak KUSKOP.

SPUMI

Selain itu, KUSKOP turut ingin memaklumkan bahawa **Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)** akan terus diperkukuhkan dengan peningkatan dana tambahan daripada kerajaan daripada **RM30 juta kepada RM50 juta** bagi menyokong pembangunan keusahawanan masyarakat India.

Bagi tahun 2026, SPUMI telah menyalurkan sebanyak RM 4.089 juta kepada 136 usahawah masyarakat India. Melalui inisiatif ini, KUSKOP komited dalam memberi capaian modal selari dengan strategi ABCD yang diperkenalkan oleh KUSKOP.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
28 JANUARI 2026